

MINIT MESYUARAT PENOLONG-PENOLONG PENGARAH NEGERI BKK BIL.2/2020

8 JULAI 2020 MELALUI APLIKASI ZOOM

SENARAI KEHADIRAN :

BIL	NAMA	TEMPAT BETUGAS
1.	TPjB EDWIN GALAN TERUKI	BKK IBU PEJABAT
2.	PKPjB AZLIMIN BIN MAT NOOR	BKK IBU PEJABAT
3.	PPjB MUHAMMAD SALLEH BIN ABDUL	BKK IBU PEJABAT
4.	PPjB Ir WAN MUHAMMAD ZAIDI BIN WAN ISA	BKK IBU PEJABAT
5.	PPjB NIK ZULKIFLI BIN IBRAHIM	BKK IBU PEJABAT
6.	PgKB I ZAHARI BIN KASA	BKK IBU PEJABAT
7.	PgKB I YUSRI BIN BASRI	BKK IBU PEJABAT
8.	PgKB I ABDUL HADI BIN ABDULLAH	BKK IBU PEJABAT
9.	PgKB I WAN AHMAD MUKHRIZ BIN WAN MOHAMED DUMIRI	BKK IBU PEJABAT
10.	PgKB II MAZILA BT ABDULL MUTALIB	BKK IBU PEJABAT
11.	PgB MOHD FAIRU BIN SHA'ARI	BKK IBU PEJABAT
12.	PgKB I YUSRI BIN MOHD YUSOFF@HASHIM	BKK JBPM P. PINANG
13.	PgKB I RAZALI AW MAT SALLEH	BKK JBPM JOHOR
14.	PgKB I WAN AHMAD FADILLAH B WAN ABDUL RAHMAN	BKK JBPM PAHANG
15.	PgKB I NUR MAHATHIR B MUHAMMAD	BKK JBPM K. LUMPUR
16.	PgKB I FARID ASYHADI BIN ASSA'AD	BKK JBPM SELANGOR

17.	PgKB I SURIYA BINTI AHMAD	BKK JBPM KEDAH
18.	PgKB I JEMROS BIN OLIN	BKK JBPM SABAH
19.	PgKB I MOHAMAD FAUZI BIN MOHAMAT KIFLI	BKK JBPM SARAWAK
20.	PgKB I ABU BAKAR BIN KATAIN	AKADEMI JBPM KKB
21.	PgKB I ROSMAINOR	AKADEMI JBPM WAKAF TAPAI
22.	PgKB II MOHD ZAMRI BIN YUSOB	BKK JBPM KELANTAN
23.	PgKB II MOHD ESMADI B. HJ MOHD SAUFI	BKK JBPM PERAK
24.	PgKB II ZULKIFLI BIN NORDIN	BKK JBPM MELAKA
25.	PgKB II NIZAM BIN MARLAN	BKK JBPM TERENGGANU
26.	PgB HASLINDA BT RUDZULI	BKK JBPM N.SEMBILAN
27.	PgB MOHD RASHIDI BIN AWANG JAMAN	BKK JBPM LABUAN
28.	PgB MOHAMAD AZHAR BIN YUSOFF	BKK JBPM PERLIS
29.	PgB FADHLUL WAFI BIN KEYA NORDIN	BKK JBPM PUTRAJAYA

BIL	PERKARA	TINDAKAN	MAKLUMBALAS
1.	ALUAN YS Pengerusi YS Pengerusi mengalu-alukan penglibatan Pegawai-pegawai kanan Ibu Pejabat dan Penolong-penolong Pengarah Negeri Bahagian Keselamatan Kebakaran dalam mesyuarat PPN BKK Bil. 2/2020 melalui aplikasi zoom.	Makluman	
2.	PERKARA BERBANGKIT		
	2.1. PERKARA 2.8 PENGGUBALAN STANDARD 2.1.1. YS Pengerusi meminta tindakan lanjut bagi Mesyuarat <i>National Standard Committee of Fire Safety</i> (NSC M) bil.1 telah diadakan pada tahun 2020 dan dipengerusikan oleh YS Pengarah BKK. Mesyuarat dimaklumkan, mesyuarat seterusnya akan dipengerusikan oleh YAS Ketua Pengarah.	KC PiKK	
	2.2. PERKARA 2.9 SENARAI FC BANGUNAN KERAJAAN 2.2.1. YS Pengerusi meminta Cawangan Perakuan Bomba menyediakan laporan penuh status FC semua bangunan kerajaan dan dibentang pada mesyuarat akan datang. 2.2.2. Tempoh FC bagi bangunan Ibu Pejabat JBPM telah tamat tempoh. JBPM	KC PB PPN Putrajaya	

	Putrajaya memaklumkan perkara ini telah dimaklumkan kepada Bahagian Pengurusan. BKK JBPM Putrajaya hendaklah mengeluarkan surat amaran kepada Bahagian Pengurusan untuk tindakan segera. PPN Negeri perlu mengambil tindakan sekiranya JBPM Ibu Pejabat tidak patuh.		
	2.3. PERKARA 2.13 PERINTAH TETAP CAWANGAN PERLESENAN Mesyuarat dimaklumkan bahawa mesyuarat akhir semakan draft PerintahTetap Dobi Layan Diri, Taska dan Tadika akan diadakan pada 17.7.2020.	KC PPB	
	2.4. PERKARA 5.7.1.1. PENGGUNAAN ONE-WAY DOORKNOB BAGI TANGGA TERLINDUNG Mesyuarat telah memutuskan bahawa isu penggunaan <i>one-way door knob</i> bagi tangga terlindung akan dibentang pada mesyuarat akan datang.	KC PKK	
	2.5. PERKARA 3.1 JARAK FIRE FIGHTING LOBI Mesyuarat mengambil maklum bahawa jarak lobi menentang kebakaran hendaklah tidak melebihi 60m. Ianya disukat dari titik tengah lobi ke lobi (<i>point to point</i>).	Makluman	
3.	PERKARA PERBINCANGAN		
	3.1. HOSPITAL		

Mesyuarat dimaklumkan berdasarkan laporan suruhanjaya kes kebakaran Hospital Sultan Aminah, Johor: 3.1.1. JBPM gagal melaksanakan akta k eatas HSA. 3.1.2. Laporan daripada JBPM Johor, menyatakan HSA bukan premis yang dikategorikan sebagai premis ditetapkan. 3.1.3. YS Pengerusi mengarahkan semua negeri menghantar laporan FC bagi hospital ke Ibu Pejabat. 3.1.4. Cawangan Perakuan Bomba, Ibu Pejabat perlu membuat edaran laporan penuh hospital ke negeri-negeri. 3.1.5. JBPM Pahang, Perak, Pulau Pinang, K.Lumpur, Sabah dan Sarawah perlu hantar semula laporan FC Hospital bagi hospital swasta dan kerajaan. 3.1.6. Negeri perlu mengenalpasti sama ada hospital tersebut di bawah kementerian atau swasta dan menghantar laporan tersebut ke Ibu Pejabat. 3.1.7. Setiap FC6 yang dikeluarkan perlu dimaklum ke BKK Ibu Pejabat dengan kadar segera. 3.1.8. BKK Ibu Pejabat akan mengadakan mesyuarat bersama Kementerian Kesihatan Malaysia berkenaan masalah FC hospital kerajaan dan swasta dan menyemak status hospital-hospital di seluruh Malaysia. (Negeri perlu menghantar maklumat sebelum mesyuarat bersama KKM) 3.1.9. BKK Ibu Pejabat akan Mengeluarkan garis panduan keselamatan kebakaran bagi hospital.	Makluman Makluman PPN BKK Negeri KC PB PPN BKK Negeri PPN BKK Negeri PPN BKK Negeri BKK Ibu Pejabat& PPN BKK Negeri PgKB II Amram Jaya	
--	--	--

	3.2. STADIUM 3.2.1. Laporan pemeriksaan keselamatan kebakaran stadium perlu disiapkan dengan kadar segera.	KC PBK & PPN Negeri	
	3.3. CLADDING Maklumat 3 jenis cladding yang diperlukan : 3.3.1. Cladding yang mengandungi bahan polisterin 3.3.2. Bangunan lebih daripada 18m, dibenarkan penggunaan cladding jenis class 'o' sebelum tahun 2017. 3.3.3. Bangunan yang melebihi 18m perlu patuh BS8414 (selepas 2017, bangunan yang melebihi 18m perlu patuh BS8414). BKK Ibu Pejabat akan membuat surat edaran berkenaan perkara ini. 3.3.4. KC Perakuan Keselamatan Kebakaran akan membentangkan berkenaan keratan rentas cladding yang mematuhi BS8414 pada mesyuarat akan datang.	KC PBK KC PBK KC PBK KC PKK	
	3.4. PENGUKURAN JARAK FIRE FIGHTING LOBI Mesyuarat memutuskan jarak fire fighting lobby adalah 60m point to point dan bukan diambil secara ukuran radius.	Makluman	
	3.5. PERKHIDMATAN DAN KONSULTANSI DI KAUNTER BKK		

	3.5.1. Mesyuarat mengambil maklum bahawa pelawat yang hadir ke kaunter BKK perlu patuhi etika berpakaian di premis kerajaan. 3.5.2. BKK Ibu Pejabat akan mengeluarkan format boring temujanji dan hanya Consultant atau PSP yang terlibat dengan projek sahaja dibenarkan berurusan di kaunter BKK.	Makluman	
	3.6. PENGGUNAAN ROLLER SHUTTER 3.6.1. BKK Ibu Pejabat akan mengeluarkan edaran bagi penggunaan <i>roller shutter</i> ke negeri. 3.6.2. Mesyuarat memutuskan bagi pembangunan projek sebelum arahan RS dikuatkuasakan tidak menjadi kesalahan sekiranya tidak patuh.	KC PKK Makluman	
	3.7. PROJEK YANG MELIBATKAN PBA 3.7.1. Negeri perlu ambil maklum perjalanan projek bagi memastikan tiada isu timbul sekiranya projek tersebut melibatkan PBA. Negeri perlu membuat semakan secara terperinci. 3.7.2. Negeri perlu memastikan semua projek PBA hendaklah dihantar terus ke BKK Ibu Pejabat dan pihak PSP perlu sertakan justifikasi penggunaan PBA bagi projek tersebut.	PPN Negeri PPN Negeri	
	3.8. KEHENDAK-KEHENDAK BOMBA 3.8.1. Mesyuarat mengambil maklum bahawa, kehendak-kehendak bomba telah	Makluman	

	dipinda kepada kehendak-kehendak keselamatan kebakaran. 3.8.2. PSP perlu menyatakan klausa bagi setiap kehendak-kehendak keselamatan kebakaran yang terlibat bagi projek mereka.	Makluman	
	3.9. PEMAKAIAN DAN PENGGUNAAN UBBL 1984 (PINDAAN 2012) DI NEGERI 3.9.1. Terdapat negeri yang masih belum menggunakan UBBL 1984 (pindaan 2012). Semua negeri diwajibkan menggunakan kehendak-kehendak keselamatan kebakaran yang terkini yang terdapat di dalam UBBL 1984 (pindaan 2012). 3.9.2. Mana-mana negeri yang hendak membuat pindaan perlu merujuk ke BKK Ibu Pejabat terlebih dahulu. 3.9.3. Pindaan UBBL 1984 (pindaan 2012) akan dibentang pada mesyuarat akan datang.	PPN Negeri Makluman KC PKK	
	3.10. SEKOLAH 3.10.1. Mesyuarat dimaklumkan KC PKK telah hadir ke mesyuarat bersama Kementerian Pendidikan Malaysia dan dimaklum akan bahawa terdapat 400 buah sekolah yang tidak mempunyai CCC. 3.10.2. Kebanyakan sekolah dibina terlebih dahulu sebelum mendapatkan kebenaran merancang. 3.10.3. KPM telah memohon semua bangunan kerajaan dikecualikan CCC.	Makluman Makluman Makluman	

